

PROSEDUR TAMBAHAN UNTUK PENDAFTARAN PUSAT PENGAJAR KURSUS KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN DI RUANG TERKURUNG

TARIKH DILULUSKAN: 26 NOVEMBER 2018

Pusat Pengajar dikehendaki memohon kebenaran bagi melaksanakan Kursus Ruang Terkurung selain daripada premis yang diluluskan oleh Jabatan.

Prosedur Permohonan Menjalankan Kursus Ruang Terkurung Di Lokasi Selain Daripada Premis Pusat Pengajar Yang Telah Diluluskan

- a. Kursus dilaksanakan di premis atau lokasi yang mempunyai fasiliti dan kemudahan yang lengkap untuk latihan teori dan praktikal.
- b. Menggunakan kawasan praktikal (*simulator*) yang memenuhi spesifikasi rekabentuk yang telah ditetapkan oleh Jabatan (*rujuk prosedur Tambahan Untuk Pendaftaran Pusat Pengajar Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di Ruang Terkurung yang diluluskan pada 22 April 2015*).
- c. Pusat Pengajar perlu mengemukakan dokumen permohonan seperti berikut:
 - i. Surat permohonan yang menyatakan jenis kursus yang hendak dijalankan, tarikh pelaksanaan kursus, maklumat Tenaga Pengajar dan jumlah peserta.
 - ii. Borang Pendaftaran Pusat Pengajar (*Lampiran C, Garis Panduan Latihan Pekerja, Pendaftaran Pusat Pengajar Dan Pengendalian Kursus Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Di Ruang Terkurung 2008*).
 - iii. Dokumen-dokumen sokongan:-
 1. Lukisan pelan fasiliti
 2. Kemudahan latihan teori, kelengkapan dan peralatan latihan praktikal (gambar/pelan)
 3. Lukisan rekabentuk simulator

- d. Dokumen permohonan yang lengkap perlu dikemukakan kepada Jabatan selewat-selewatnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh kursus dilaksanakan.
- e. Pemantauan akan dijalankan secara berkala terhadap kursus yang dilaksanakan. Kelulusan yang diberikan boleh ditarik balik pada bila-bila masa sekiranya terdapat pelanggaran syarat yang ditetapkan.

Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi:

Pengarah

Bahagian Higien Industri & Ergonomik

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Aras 1, 3, 4 & 5 Blok D4, Kompleks D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62530 W. P. Putrajaya

Tel: +603 8886 5085

Emel: ahmadnazri_k@mohr.gov.my